

11/01/2004

Abdullah lega pelantikan Najib dapat sokongan masyarakat

Zainuddin Isa; Norbakti Alias; Ziauddin Sharuddin BENTONG; Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersyukur kerana pelantikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri diterima baik dan mendapat sokongan padu daripada semua lapisan masyarakat hingga pasaran saham turut melonjak.

Perdana Menteri berkata, semua pemimpin Umno, termasuk Pengerusi Badan Perhubungan serta kakitangan kerajaan dan sektor korporat menyokong pelantikan Najib serta rombak kecil Kabinet yang dibuatnya.

"Semuanya memberi sambutan baik. Saya bersyukur dengan situasi ini. Pasaran saham juga melonjak menandakan keyakinan itu," katanya yang buat pertama kali memperkenalkan Timbalannya di hadapan rakyat yang secara kebetulan diadakan di negeri kelahiran orang nombor duanya dekat sini, semalam.

Ketika permulaan ucapan perasmian Hari Peneroka Negara di Felda Mempaga Dua, Abdullah menggamatkan suasana majlis apabila berkata: "Marilah saya perkenalkan Timbalan Perdana Menteri yang baru," katanya sambil memegang tangan Najib.

Tindakan Abdullah menggamatkan majlis yang dihadiri kira-kira 70,000 orang, kebanyakan peneroka seluruh Pahang.

Selain Najib, antara Menteri Kabinet yang hadir ialah Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Berikutan pelantikan Najib, indeks Komposit di Malaysia Securities Exchange Bhd (MSEB) ditutup pada paras tertinggi baru dalam tempoh 41 bulan, sejak 21 Julai 2000 apabila menutup dagangan kelmarin pada 825.42 mata.

Selain itu, sesi dagangan cergas kelmarin dicetuskan oleh sentimen positif berikutan perlantikan Najib serta Menteri Kewangan Kedua yang baru, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Sementara itu Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, yang turut berucap pada majlis itu mencuit hati orang ramai apabila menyifatkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sebagai anak didik dan Abdullah sebagai anak emas kepada bekas Perdana Menteri Kedua, Tun Razak yang juga bapa Najib.

Katanya, jika jasa Tun Razak kepada Dr Mahathir dan Abdullah boleh dianggap sebagai hutang, maka dengan pelantikan Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri, bermakna hutang itu telah dibayar.

"Saya yakin perwatakan Najib yang lemah lembut, tenang, penyabar dan cekap, bersama Abdullah akan menjadi gandingan kepimpinan yang mantap," katanya.

Di ALOR STAR: Timbalan Perdana Menteri berkata, sambutan meriah diberikan kepadanya di lapangan terbang itu, menunjukkan penerimaan positif rakyat terhadap kerajaan pimpinan Abdullah.

"Ini bukan untuk diri saya tetapi kepada kerajaan yang nampak makin kukuh dengan suasana yang semakin menyenangkan.

"Sebab itu, kita lihat sambutan rakyat terhadap apa-apa majlis termasuk sebelah pagi tadi yang saya hadiri bersama Perdana Menteri, begitu hangat.

"Ini menunjukkan makin hari kerajaan Barisan Nasional dan pucuk pimpinan disambut dengan memberangsangkan," katanya yang ditemui selepas disambut lebih 2,000 orang di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, di sini sebelum bertolak ke Kangar.

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.